



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**MANDUR (F.2-3-4-5 EB.6)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. MANDUR
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
F.2-3-4-5 EB.6 (\$495 - \$790 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Tingkatan I.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 tidak kurang dari 4 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

SECARA AM:

1. Mengatur penempatan bertugas dan mengawasi tugas-tugas Pembersih Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia;
2. Menyelaraskan tugas-tugas Pembersih Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti yang diarahkan oleh Pengawas Kecil;
3. Menjadi penghubung kepada Pengawas Kecil;
4. Menjaga kebersihan di semua tempat berpandukan kepada senarai semak (*Check list*);
5. Mengawasi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Pembersih Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah jagaannya serta memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pemborong;
6. Membuat / menyediakan / memberi laporan mengenai kerja-kerja pembersihan dan hal ehwal kakitangan Pembersih Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah kawalannya kepada Pengawas Kecil;



7. Menjalankan tugas-tugas Pengawas Kecil semasa ketiadaannya;
8. Memastikan supaya kerja-kerja dilaksanakan dengan lancar / teratur dalam jangka masa yang ditetapkan dengan sempurna mengikut prosedur dan keselamatan (*safety*); dan
9. Mengikut arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa.